

**La Luna: Masyarakat Melayu Kita, Islam Yang Bagaimana?
Oleh: Amirul Hakim**

Sebuah filem arahan M. Raihan Halim di bawah rumah produksi Papahan Films bertajuk *La Luna* telah menerima pujian daripada khalayak penonton atas nilai hiburan dan kualiti sinematografinya. Namun, di sebalik lapisan babak-babak komedi romantik dan satira, filem ini menggendong kritikan dan fikiran yang wajar direnungi. Justeru, paparan realiti politik, sosial, agama dan budaya dalam masyarakat Melayu menjadikan ia lebih mesra penonton kerana mampu mengalun minda mereka.

Filem *La Luna* ini berkisahkan sebuah kehidupan masyarakat di Kampung Bras Basah. Masyarakat ini dibina dengan tiga tiang institusi yang membentuk sebuah struktur sosial. Yang pertama, Tok Hassan (lakonan Wan Hanafi Su). Kedua, Ustaz Fauzi, Imam Kampung (lakonan Iedil Dzuhri). Ketiga, ketua atau “chief” Polis Kampung bernama Salihin (lakonan Shaheizy Sam). Tok Hassan sebagai pemegang kuasa tertinggi menentukan undang-undang kampung yang kononnya berteraskan ajaran Islam.

Islam Tok Hassan sinonim dengan hukuman, paksaan dan ketakutan. Sekecil apa kesilapan dan tindakan yang tidak selari dengan nilai Islam menurut Tok Hassan, penduduk pasti dihukum. Dapat diperhatikan bahawa kebanyakannya golongan wanita menjadi sasaran utama mangsa hukuman Tok Hassan. Terdapat sebuah babak yang menunjukkan pelaku-pelaku salah dalam kalangan wanita yang menerima hukuman. Tidak cukup dengan denda, “dosa-dosa” wanita ini ditayangkan pada bahagian belakang jaket sebagai pengajaran untuk para penduduk. Antara “dosa-dosa” tidak masuk akal yang dihukum ialah “mendengar lagu dangdut”, “memasang muzik dengan kuat dalam kereta” dan “merokok”.

Perempuan merokok dihempap pandangan serong dan hukuman tetapi Tok Hassan bebas untuk merokok tidak kira tempat dan waktu tanpa dikenakan hukuman. Hal ini menggambarkan bintik-bintik hipokrisi pada diri Tok Hassan, dan juga kepemimpinan autoritariannya. Cogan kata “Allah sentiasa melihat” ditempelkan di seluruh kampung untuk memberi amaran kepada para penduduk agar mematuhi ajaran Islam versi Tok Hassan yang bersifat autoritarian dan patriarki.

Tok Hassan ini seolah-olah mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan Islam yang bagaimana diamalkan di Kampung Bras Basah. Tiada yang berani menentang. Jika ada pun, usaha laksana layang-layang melawan angin. Maka, Ustaz Fauzi, seorang imam kampung yang muda, terpaksa mengikut rentak autoritarian Tok Hassan dalam usaha dakwahnya dan Salihin juga terpaksa menguatkuasakan undang-undang dangkal Tok Hassan. Lantaran itu, para penduduk sentiasa

**La Luna: Masyarakat Melayu Kita, Islam Yang Bagaimana?
Oleh: Amirul Hakim**

menjalani kehidupan dalam ketakutan dan kegerunan. Suasana kehidupan totalitarian di Kampung Bras Basah ini persis dengan gambaran masyarakat dystopia dalam novel 1984 tulisan George Orwell.

Hadir seorang wanita bernama Hanie (lakonan Sharifah Amani) di kampung asalnya setelah lama berkelana di luar negara seperti menggugat sistem dan ketaqwaan Kampung Bras Basah di mata Tok Hassan. Watak Hanie ialah lambang wanita mandiri dan berdaya. Setelah perniagaannya punah di Doha, beliau kembali ke Kampung Bras Basah lalu membuka kedai bernama “La Luna” yang menjual pakaian dalam wanita. Penjualan pakaian dalam wanita ini dilihat sebagai satu anasir yang tidak senonoh, melanggar syariat dan menyimpang daripada kesolehan mengikut fahaman Islam Tok Hassan. Walhal, pakaian dalam wanita ini dijual kepada para ibu untuk tatapan halal suami mereka sahaja dan hanya wanita dibenarkan masuk dalam ruang kedai La Luna.

Rentetan daripada pembukaan kedai La Luna, Hanie mendapat sambutan baik dalam melariskan jualan produk pakaian dalam wanitanya. Golongan ibu menjadi semakin terpanggil untuk menjadi pelanggan tetap kerana produk La Luna ini seolah-olah mengembalikan percikan hangat hubungan suami isteri di Kampung Bras Basah. Ekoran itu, suasana di Kampung Bras Basah pun berubah. Para penduduk seakan lebih berani untuk melonggarkan diri daripada jeratan konservatif yang keterlaluan.

Toko La Luna ini bukan sahaja telah menjadi pemangkin bagi hubungan harmoni suami isteri di Kampung Bras Basah, tetapi juga telah membina sebuah rangkaian pemberdayaan dan perlindungan bagi golongan wanita. Peranan La Luna ini jelas terpancar sebagai satu reaksi terhadap kemelut rumah tangga Pa’at (lakonan Hisyam Hamid) dan Yam (lakonan Nadiya Nissa). Malang bagi Yam, beliau berdepan dengan keganasan rumah tangga. Yam yang sering dibelasah Pa’at hingga berbilai tangannya akhirnya mencari tempat teduhan di toko La Luna. Oleh kerana patriarki yang membuak-buak, keganasan rumah tangga ini dipandang enteng oleh Tok Hassan. Hanie pula dianggap sebagai penghasut kepada Yam yang membelakangkan suaminya. Namun, Pa’at yang bertingkah persis binatang ditutup sebelah mata.

Semakin hari, semakin resah Tok Hassan dengan kehadiran Hanie yang berani mengubah cara kehidupan di Kampung Bras Basah. Tok Hassan nekad untuk mengusir Hanie keluar daripada kampung. Namun, petisyen untuk mengusir Hanie itu tidak disetujui dan tidak ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa kampung. Disebabkan terdesak, Tok Hassan menyusun strategi-strategi

jahat untuk menyingkir Hanie daripada kampung. Oleh kerana gagal mendapatkan sokongan orang kampung, Tok Hassan memberi rasuah kepada pegawai negeri untuk meluluskan petisyennya itu.

Dengan rasa jengkel yang meruap-ruap, Tok Hassan membakar kedai La Luna sehingga rentung dan hampir meragut nyawa Azura (anak kepada Salihin) yang bekerja di situ. Barangkali dosa rasuah, membakar hak milik orang dan mencederakan manusia tidak termasuk dalam senarai dosa-dosa mengikut selera Islam Tok Hassan. Pelik lagi menghairankan, Tok Hassan ibarat tidak mempunyai rasa takut dan malu terhadap Tuhan seperti mana yang beliau dambakan dalam diri masyarakatnya. Cakap tidak serupa buat, ciri-ciri kemunafikan bernyala terang dalam tindak-tanduknya.

Namun, kejelekan Tok Hassan terbongkar apabila Salihin terjumpa pemetik api Tok Hassan di tempat kejadian. Akhirnya Tok Hassan diberkas dan meringkuk dalam penjara. Ekoran itu, masyarakat Kampung Bras Basah kini bebas daripada kuasa autoritarian dan pemerintahan totalitarian Tok Hassan. Hidup mereka kini lebih terpandu dengan akal budi dan sifat ihsan yang wajar. Cogan kata peringatan “Allah Sentiasa Melihat” ditukarkan kepada “Allah Sentiasa Menyayangi”. Ustaz Fauzi juga lebih bebas menyampaikan dakwah yang lebih mesra jemaah.

Secara tuntas, filem ini merupakan satu kritikan tajam terhadap landskap sosio-agama dan politik dalam masyarakat Melayu. M. Raihan Halim berjaya memberi cerminan Islam yang bervariasi yang berakar dalam masyarakat. Islam yang kini dipraktikkan di Kampung Bras Basah pastinya membentuk umat manusia sejajar dengan nilai yang dibawa. Sama ada Islam yang berkasih sayang atau Islam yang ditunggang dan penuh dengan amarah.

Dapat kita hargai bahawa M. Raihan Halim tidak memukul rata golongan agamawan dalam filem ini. Raihan menampilkan 2 sosok agamawan yang berbeza pada fikrah dan pendekatannya. Tok Hassan agamawan mapan yang menunggang agama dengan sikap autoritarian manakala Ustaz Fauzi, pendakwah muda yang penuh dengan sifat hikmah dan ihsan. Sebagai iktibar, kita tepuklah dada dan tanya; Islam yang kita lihat hari ini bagaimana sifatnya?